



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**26 JANUARI 2017 (KHAMIS)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Harian Metro**

- |                 |    |
|-----------------|----|
| - Kompaun RM200 | 48 |
|-----------------|----|

**The Star**

- |  |    |
|--|----|
| - MPAJ offers 'package deal' for motorists with unpaid tickets | 04 |
|--|----|

**Sinar Harian**

- |                                |    |
|--------------------------------|----|
| - Punca banjir lumpur disiasat | 40 |
| - KLIK                         | 40 |

**Berita Harian**

- |   |    |
|---|----|
| - Ulat parkir percuma paksa pelanggan bayar | 13 |
|---|----|



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**26 JANUARI 2017 (KHAMIS)**

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Kompaun RM200
Muka Surat	48

HM 26/1/17 N/S 48

# Kompaun RM200

## ■ Peniaga degil tak kenakan caj beg plastik 20 sen bakal didenda

**Ardyhansah Amat**  
ardyhansah@hmetro.com.my

### Ampang

**P**engusaha premis perniagaan di sekitar daerah ini akan berdepan kompaun RM200 sekiranya tidak mengenakan caj 20 sen kepada orang ramai berkuat kuasa April ini.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Abd Hamid Hussain berkata, keputusan itu dibuat hasil perincangan di peringkat Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna Negeri Selangor dalam usaha menjayakan kempen tanpa plastik dan polisterina yang mula diperkenalkan awal bulan ini.

"Buat masa ini, MPAJ hanya melakukan pemantauan dan belum ada sebarang penguatkuasaan di premis perniagaan.

"Bermula April ini, penguatkuasaan mengenakan

caj 20 sen bagi beg plastik akan dilakukan membabitkan semua premis perniagaan," katanya ketika ditemui media selepas memperkenan Mesyuarat Penuh Bulanan MPAJ, semalam.

Tambahnya, setakat ini, kompaun RM200 dikenakan ke atas peniaga bagi tahun pertama perlaksanaannya sebelum dinaikkan kepada RM500 bagi tahun kedua, RM700 (tahun ketiga) dan RM1,000 (tahun keempat) kerana melanggar syarat sah lesen mengikut Undang-Undang Kecil 6, Perlesenian Tred, Perniagaan dan Perindustrian MPAJ 2007.

"Bagaimanapun, peruntukan mengenakan caj 20 sen

bagi beg plastik tidak akan membabitkan pasar malam sekitar Ampang memandangkan masih terdapat keperluan penggunaan plastik untuk membungkus makanan.

"Namun, larangan penggunaan polisterina akan dilakukan dalam usaha mengurangkan pencemaran bahan sukar terlerai," katanya.

Sementara itu, beliau berkata jumlah kes demam dengan sekitar Ampang tahun lalu menurun sebanyak 11 peratus atau 445 kes berbanding tempoh yang sama pada tahun 2015.

"Sebanyak 3,920 kes demam dengan dilaporkan berlaku sekitar Ampang mem-

babitkan 11 kematian pada tahun lalu berbanding 4,365 kes pada tahun 2015.

"Sehingga 21 Januari lalu, sebanyak 282 kes demam dengan direkodkan berlaku di sini, namun tidak membabitkan kematian.

"Terdapat tiga lokasi di kenal pasti menjadi kawasan panas berlakunya demam dengan iaitu Taman Melawati, Kampung Klang Gate dan Taman Saga," katanya.

**Bermula April ini, penguatkuasaan mengenakan caj 20 sen bagi beg plastik akan dilakukan membabitkan semua premis perniagaan"**

*Abd Hamid Hussain*





**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**26 JANUARI 2017 (KHAMIS)**

Akhbar	The Star
Tajuk Berita	MPAJ offers 'package deal' for motorists with unpaid tickets
Muka Surat	04

## MPAJ offers 'package deal' for motorists with unpaid tickets

TS 26/1/17 MS 04.

By SHALINI RAVINDRAN  
shaliniravindran@thestar.com.my

THE Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) will resort to legal action if vehicle owners with accumulated parking compounds do not pay up.

Council president Abdul Hamid Abdul Hussain said they had identified some 1,700

vehicle owners with more than 50 unpaid tickets each.

"We are tracking down these serial offenders and asking them to settle the summonses.

"If they are not able to pay the full amount, we are willing to work out a 'package deal'," he said during yesterday's full board meeting.

He added that there were

currently 738,449 unpaid parking tickets amounting to RM41.43mil.

In a bid to encourage traffic offenders to pay up, the council is offering special discounts from Feb 15 until May 31.

The public can enjoy a 70% discount and pay RM30 instead of the maximum RM100 compound for tickets more than

14 days overdue.

On the dengue epidemic, Abdul Hamid said there had been 282 cases reported from Jan 1 to 21. No deaths were reported during the period.

"There was a 11% reduction in the number of cases documented in 2016 as compared to 2015.

"We had 3,920 cases last year with 11 deaths.

"We urge resident associations to mobilise their Communications for Behaviour Impact teams, especially during the upcoming festive period," he said.

Currently, there are three hotspots in the municipality; Taman Melawati (F), Kampung Klang Gate and Taman Saga (Jalan Saga 20 - 28).



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR  
26 JANUARI 2017 (KHAMIS)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Punca banjir lumpur disiasat
Muka Surat	40

84 26/1/17  
MS 40.

# Punca banjir lumpur disiasat

AMPANG – Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) memandang serius berhubung kejadian banjir kiat yang melanda 15 rumah di sekitar

Lembah Jaya Utara, 14 Januari lalu.

Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain berkata, MPAJ telah mengeluarkan arahan kepada pihak ter-

libat bagi Lebuhraya Lembah Klang Timur (EKVE) untuk melaksanakan tindakan pembersihan di lokasi kejadian pada hari sama.

“Kita telah mengarahkan mereka membersihkan kawasan yang terjejas di 15 rumah tersebut. Kita juga telah mengadakan lawatan tapak pembangunan bersama EKVE, Lembaga Lebuhraya Malaysia dan penduduk,” katanya pada sidang media selepas menghadiri Mesyuarat Penuh MPAJ, semalam.


Menurutnya, notis juga diberikan kepada EKVE untuk mengambil tindakan segera bagi menjalankan penyiasatan kes tersebut.

“Antara tindakan yang perlu dikemukakan kepada MPAJ adalah cadangan pemberaan serta pengecehan banjir, selain mengenal pasti punca kejadian dan melaksanakan kerja-kerja pemberaan pengecehan itu dengan segera,” katanya.

Beliau berkata, EKVE telah mengemukakan laporan punca kejadian itu kepada MPAJ pada 18 Januari lalu.

“Tindakan pengecehan mereka adalah membesaraskan kapasiti kolam tahanan air di kawasan pembangunan mereka dan kerja tersebut sedang dilaksanakan oleh mereka,” katanya.

Pada 14 Januari lalu, beberapa lokasi sekitar Jalan Bukit Belacan, Lembah Jaya Utara, di sini, dilanda banjir lumpur susulan hujan lebat.



Adun Lembah Jaya, Khasim Abdul Aziz turut bersama pegawai MPAJ dan pihak kontraktor mengadakan lawatan dan berbincang berkenaan banjir lumpur yang melanda di Lembah Jaya Utara, baru baru ini.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR  
26 JANUARI 2017 (KHAMIS)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	KLIK
Muka Surat	40

SH 26/1/17 MPAJ 40

**KLIK** Adun Chempaka, Datuk Iskandar Abdul Samad (tengah) meluangkan masa beramah mesra bersama peniaga dan turut berkesempatan mengedarkan limau di pasar malam Pandan Jaya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR  
26 JANUARI 2017 (KHAMIS)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Ulat parkir percuma paksa pelanggan bayar
Muka Surat	13

**BH** Khamis, 26 Januari 2017 Ms.13

## → HALAMAN KOTA

**Fakta nomor**

<b>RM4 CAJ</b> letak kendaraan selepas jam 6 petang	<b>RM10 CAJ</b> jika guna atendan letak kendaraan	<b>RM1,000 HASIL</b> kutipan parkir haram sehari
--	--	---

*Kerusi diletakkan bagi menghalang pelanggan meletak kendaraan tanpa bayaran.*

*Kaunter bergerak turut digunakan bagi mengutip bayaran meletak kereta.*

# Ulat parkir percuma paksa pelanggan bayar

**➔ Kegiatan haram warga asing kerap dilapor kepada PBT**

Oleh Wartawan Halaman Kota bhwnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

**B**agaikan kebal, ulat parkir yang kebanyakannya mereka yang diperdayai warga asing, menguasai ruang parkir lengkap dengan kaunter perkhidmatan pemandu untuk meletak kendaraan, sedangkan kawasan berkecuaan adalah ruang parkir percuma.

Itulah yang berlaku di kawasan

permulaan yang turut dihuni dua restoran di Seri Kembangan, dekat sini sejak lapan tahun lalu apabila ulat parkir berkenaan bukan saji mengenakan bayaran parkir kepada pelanggan restoran itu, tetapi juga pemilik kendaraan yang berurusan di kawasan terabit.

Walau pun kegiatan haram itu sudah beberapa kali dilaporkan kepada pihak berkusa tempatan (PBT), tiada tindakan tegas diambil menyebabkan ia terus berleluasa.

**Kenakan bayaran**  
Orang ramai mendakwa mereka tidak pilih dan terpaksa membayar kerana bimbang dengan ulat parkir yang berlagak samseng.

Seorang penduduk yang selalu berurusan di kawasan berkenaan dan hanya mahu dikenali sebagai Wong, berkata kawasan itu adalah parkir percuma, tetapi menjelang malam, ulat parkir mengambil alih kawasan itu serentak dengan wak-

**Pemilik kendaraan**

tu perniagaan restoran berkenaan.

"Semua kereta yang diletak di kawasan itu selepas jam 6 petang dikenaikan bayaran parkir, malah kereta yang diletakkan di jalan yang bukan berhadapan restoran berkenaan juga dikenakan bayaran.

"Jalan di kawasan ini adalah jalan awam dan bangunan restoran berkenaan dibangun pada kawasan lama. Hingga titik ini masih kedai, manakala kawasan sekitarnya adalah rumah kedai yang menjalankan perniagaan termasuk barang elektrik, kelengkapan bilik mandi dan pengangkutan," katanya.

Ditanya sama ada ulat parkir itu melakukan kekerasan kepada orang ramai, beliau berkata, ia berlaku secara tidak langsung apabila mereka memberitahu pemilik kendaraan bahawa parkir di kawasan itu di bawah jagaan mereka dan dikenakan bayaran.

**Tak berani melawan**  
Beliau berkata, pemilik kendaraan tidak berani melawan kerana bimbingan mereka yang ramai dan bimbang ulat parkir itu akan melakukannya sesuatu jika tidak membayar caj dikenakan.

Katanya, ruang parkir di lokasi berdepan dan bertentangan serta berhampiran restoran hanya dibenarkan kepada mereka yang menggunakan dan perkhidmatan atendan meletak kendaraan yang biasanya membutuhkan pemilik kereta mewah.

"Kereta yang menggunakan tempat parkir yang lokasinya bukan di depan restoran dan di jalan lain juga dikenakan bayaran kerana ada perja dia setiap jalan."

"Kedua-dua ini menunjukkan seolah-olah semua jalan di kawasan itu dimiliki mereka dan hanya boleh digunakan jika membayar caj letak kendaraan yang dikenakan," katanya.